



# MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## SEMPENA

BENGGEL PENENTUAN PELAN TINDAKAN  
DASAR KETERANGKUMAN GENDER (DKG)  
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BAGI  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
(MPSP)

## TARIKH / MASA / TEMPAT

11 SEPTEMBER 2019 (RABU)  
8.30 PAGI

SUNWAY HOTEL  
SEBERANG JAYA

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod**

Setiausaha Perbandaran MPSP

**Yang Berusaha Ms Ong Bee Leng**

Chief Executive Officer

Penang Women's Development Corporation

**Puan Haziqah Nasirah Zol Bahari**

Head

Gender Inclusiveness Department

Penang Women's Development Corporation (PWDC)

**Ketua-Ketua Jabatan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Pegawai-Pegawai Kanan dan Kakitangan-Kakitangan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Peserta-Peserta bengkel**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

-----

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Bengkel Penentuan Pelan Tindakan Dasar Keterangkuman Gender (DKG) Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang dianjurkan oleh Penang Women's Development Corporation (PWDC).

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kesudian Yang Berusaha Cik Ong Bee Leng, *Chief Executive Officer, Penang Women's Development Corporation* untuk hadir ke program hari ini. Terima kasih juga kepada pasukan PWDC yang telah bertungkus-lumus menyatukan idea, keringat dan usaha dalam menzahirkan program pada pagi ini.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Keterangkuman Gender merupakan pengwujudan suatu persekitaran yang menerima, menghormati serta memahami perbezaan terhadap

keperluan dan juga hak kesamarataan bagi keperluan lelaki, wanita, kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan lain-lain. Keterangkuman Gender adalah pendorong untuk mencapai kesaksamaan gender dan keadilan sosial agar hak-hak asasi dapat dinikmati oleh rakyat dari pelbagai gender, etnik dan juga latar belakang.

Portfolio Keterangkuman Gender diwujudkan pada Mei 2018 oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha mengintegrasikan nilai Keterangkuman Gender ke dalam dasar, program dan amalan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dasar Keterangkuman Gender telah dirangka bagi memastikan wujudnya keseimbangan gender dan mempromosikan kesaksamaan gender di semua jabatan dan agensi Kerajaan negeri Pulau Pinang. Dasar ini dilaksanakan selaras dengan visi *Penang2030* yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ianya bagi memastikan sebarang dasar, prosedur serta penguatkuasaan undang-undang pada masa hadapan akan dibuat secara menyeluruh dan menitikberatkan perspektif gender.

Dasar Keterangkuman Gender memberi keutamaan untuk mengurangkan diskriminasi, ketidakadilan dan menggalakkan penyertaan daripada pihak berkepentingan yang termasuk golongan wanita dan kaum ibu, kaum lelaki dan bapa, golongan kurang upaya, warga emas dan

remaja. Melalui Dasar Keterangkuman Gender, *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) dijalankan dalam projek-projek pembangunan negeri bagi memastikan keperluan semua golongan dibela.

Dasar Keterangkuman Gender juga membela keseimbangan gender di semua Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dengan memberi peluang yang sama dalam pelantikan di semua peringkat pembuat keputusan dan pelaksanaan mengikut nisbah 40% lelaki, 40% wanita dan baki 20% terbuka kepada kedua-dua lelaki dan wanita yang berkelayakan. Ini akan mengelakkan komposisi satu gender untuk melebihi 60% dan dominasi satu gender sebagai pembuat keputusan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah awal pelaksanaan Keterangkuman Gender melalui *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2012. GRPB merupakan suatu pendekatan atau kaedah yang mesra gender dan memastikan sumber-sumber yang diperuntukan oleh Kerajaan Negeri dapat menjamin keseimbangan sosial dan ekonomi untuk rakyat. Pendekatan ini telah menjadi salah satu asas dalam mencapai visi *Penang2030* untuk menggalakkan penyertaan awam bagi projek serta program yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri.

GRPB berjaya menghubungkan masyarakat dengan Kerajaan Negeri dan memperkasakan rakyat untuk menjadi rakan kongsi yang celik dalam menyuarakan hak dan keperluan mereka. Pada masa yang sama, mereka menggalas tanggungjawab bagi menjaga persekitaran tempat tinggal mereka serta kemudahan awam yang telah disediakan. Justeru itu, Keterangkuman Gender sebagai struktur sokongan GRPB akan dapat mempercepatkan proses dalam merealisasikan visi *Penang2030*.

Tema “Seimbang Untuk Sejahtera” atau “*Balance For Better*” sempena Sambutan Hari Wanita Sedunia 2019 Peringkat Negeri Pulau Pinang akan menyemarakkan lagi pelaksanaan Dasar Keterangkuman Gender Negeri Pulau Pinang iaitu “Kelompok Berlainan Keperluan Berbeza” atau “*Different People, Different Needs*”, yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Tuan Chow Kon Yeow pada 7 Mac 2019. Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang mempunyai dasar keterangkuman gender dan kita harus memberi tepukan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah pun mengambil langkah-langkah serta tindakan awal dalam melaksanakan **Keterangkuman Gender** melalui Bajet Responsif Gender dan Partisipatori atau *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) dan merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang pertama menyahut dan menerima konsep “*Gender Inclusiveness*” atau Keterangkuman Gender.

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah bekerjasama dengan *Penang Women’s Development Corporation* (PWDC) sejak tahun 2012. Pelaksanaan GRPB adalah untuk memastikan setiap sen yang dibelanjakan berorientasikan rakyat dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat. MPSP komited untuk memastikan kesaksamaan gender dalam setiap program pembangunan.

MPSP telah menubuhkan Jawatankuasa Gender pada tahun 2012 yang berperanan:-

- i. Menggubal dasar / garis panduan untuk mengurus perdanakan gender;

- ii. Merancang dan menganjurkan program-program berkaitan gender;
- iii. Mengadakan hubungan dengan jabatan dan agensi luar;
- iv. Membincangkan isu-isu gender dalam pembangunan; dan
- v. Menyediakan maklumat berkaitan gender untuk pendidikan dan kesedaran.

GRPB Model Penang adalah gabungan dua konsep bajet iaitu **Bajet Responsif Gender** (GRB) yang memfokuskan kepada pengagihan sumber yang adil kepada semua lapisan masyarakat dan **Participatory Budgeting** (Bajet Penyertaan) yang merupakan aspirasi rakyat yang membawa pendekatan “*bottom-up*” atau “bawah ke atas”. GRPB Penang Model melibatkan:-

- i. Bancian atau soal selidik dan penganalisan data;
- ii. Penetapan objektif akan dibuat berdasarkan keutamaan;
- iii. Pelaksanaan projek atau program; dan
- iv. Pemantauan serta pengauditan.



Dialog Bajet di bawah GRPB Penang Model diamalkan oleh MPSP dalam penyediaan bajet tahunan di mana kaedah yang digunakan adalah menjalankan soal selidek bajet dan melaksanakan sesi “town hall”.

Program-program atau projek-projek yang dilaksanakan di bawah GRPB Penang Model oleh MPSP ialah:-

1. Pekeliling MPSP bagi memastikan setiap perolehan ke arah *people centric*, kertas kelulusan tender, sebutharga dan pemberian runcit dimasukkan elemen *Gender* serta menggunakan senarai semak GRPB (*GRPB checklist*). *GRPB checklist* serta elemen gender dimasukkan dalam kertas kelulusan adalah bagi memastikan penginstitution GRPB dapat direalisasikan di MPSP dan merupakan yang pertama dilakukan oleh Jabatan Kerajaan di Malaysia.
2. Projek GRPB – PPR Ampangan di mana taman rekreasi dibina dan disiapkan pada tahun 2014. Pada tahun 2015, hasil daripada kajian GRPB Penang Model, MPSP telah memberi kontrak kerja pembersihan di Rumah Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar kepada penduduk Rumah Pangsa PPR Ampangan itu sendiri. Ini telah membolehkan MPSP mewakili kuasa dan memperkasakan rakyat (*delegation and empowerment*) dalam menentukan persekitaran mereka yang

lebih bersih. Penduduk telah membuktikan keupayaan mereka, oleh itu mulai tahun 2017 hingga kini, MPSP telah memberi kontrak keselamatan kepada penduduk PPR Ampangan supaya mereka memiliki “*sense of belonging*” dalam meningkatkan tahap keselamatan dalam kawasan yang mereka diami.

3. Projek GRPB – Pulau Aman. Pada tahun 2018, MPSP mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan B40. Kontrak pembersihan dan landskap di Pulau Aman telah diberi kepada komuniti melalui Kelab Wanita Aktif dan Cergas selama dua (2) tahun dengan bayaran bulanan sebanyak RM11,500.00. Jumlah pekerja yang menjalankan kerja-kerja pembersihan dan landskap adalah seramai 12 orang iaitu seramai enam (6) orang pekerja wanita dan enam (6) orang pekerja lelaki. Semasa melakukan *Management By Walking Around* pada 20 Februari 2019 mendapati tahap kebersihan di Pulau Aman sangat baik. Persekitaran yang bersih dapat menggamit lebih ramai pelancong mengunjungi Pulau Aman untuk menikmati keindahan flora dan fauna di samping menjalankan aktiviti-aktiviti santai di sini.
4. Penginstitusian GRPB di mana elemen GRPB dimasukkan di dalam penyediaan bajet dan proses perolehan di MPSP; setiap projek / program dikehendaki membuat soal selidik / bancian dan analisa gender sebelum projek / program dijalankan; audit

dikehendaki dibuat selepas projek / program dilaksanakan; *capacity building* diadakan secara “*hands on and on job training*”.

5. Penyediaan kemudahan untuk kesaksamaan gender di premis MPSP seperti
  - a. penyediaan bilik laktasi;
  - b. tempat letak kereta untuk orang kurang upaya dan ibu mengandung di ibu pejabat MPSP (16 petak);
  - c. penyediaan taska di Menara MPSP;
  - d. tempat letak kereta bagi ibu yang membawa anak untuk dihantar ke taska di Menara MPSP (30 petak);
  - e. melaksanakan pekeliling bagi kebenaran pulang awal satu (1) jam kepada pegawai wanita mengandung;
  - f. menubuhkan Jawatankuasa OKU untuk memastikan fasiliti untuk OKU disediakan mengikut *universal design*;
  - g. menyediakan kerusi untuk wanita mengandung dan kakitangan yang mempunyai masalah kesihatan ketika Perhimpunan Korporat.

- h. GRPB Champion Award 2019. MPSP merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang pertama yang akan menganugerahkan GRPB Champion Award kepada Jabatan yang menang dalam menginstitusikan GRPB dalam proses kerja di Jabatan.
- i. MPSP juga telah mengadakan perbincangan berkaitan agihan Pembantu Awam termasuk Pembantu Awam Wanita dan OKU bagi menetapkan penempatan mengikut kesesuaian tempat kerja. Ini bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pekerja lebih terjamin.

Projek Eko-Kraf Komuniti menyasarkan komuniti terutamanya wanita di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dengan membekalkan kemahiran membuat kraftangan untuk menjana pendapatan sampingan. Projek ini menghasilkan produk menggunakan bahan kitar semula seperti suratkhbar dan plastik bungkusan makanan yang diperolehi daripada sumber orang awam. Projek Eko-Kraf Komuniti telah dilaksanakan di PPR Dewa Wawasan dan Pangsa PPR Ampangan pada 2018. Ini merupakan program *Local Economic Development (LED)*.

## **Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

MPSP sehingga kini mempunyai keseluruhan kakitangan seramai 4,028 orang dan 3,464 (86%) adalah kakitangan lelaki manakala selebihnya iaitu 564 (14%) orang adalah kakitangan wanita yang berkhidmat dalam bidang pengurusan, sokongan, teknikal, perkeranian dan pekerja am. Untuk makluman, tidak dinafikan kakitangan kumpulan sokongan lelaki MPSP adalah lebih besar daripada kakitangan kumpulan sokongan wanita memandangkan kakitangan ini merupakan buruh yang bekerja di lapangan. Bilangan pegawai di peringkat Pengurusan dan Profesional berjumlah 65 orang di mana bilangan pegawai wanita adalah 31 orang (48%) dan pegawai lelaki sebanyak 34 orang (52%).

Di sini kita dapat lihat bahawa MPSP sentiasa mengarus perdanakan Gender Ke Arah Kesetaraan Gender Dalam MPSP. Ini bersesuaian dengan Dasar Keterangkuman Gender Pulau Pinang yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang yang mensasarkan nisbah 40:40:20 (40 % wanita, 40 % lelaki dan 20 % lelaki dan wanita) sebagai penanda aras bagi penyertaan wanita dan lelaki di peringkat pembuat dasar agar tidak ada satu gender pun yang mendominasi proses membuat keputusan (dasar).

MPSP mampu menjadi teladan dan inspirasi dalam usaha mengurangkan jurang gender ini dengan mengambil pendekatan menjayakan Dasar Keterangkuman Gender dalam penyampaian perkhidmatan dan akan memberi impak yang positif serta mampu mewujudkan persekitaran yang mesra gender.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Bengkel Penentuan Pelan Tindakan Dasar Keterangkuman Gender (DKG) Negeri Pulau Pinang bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang diadakan hari ini bertujuan untuk membangunkan sebuah Pelan Tindakan Dasar Keterangkuman Gender yang komprehensif di peringkat MPSP yang melibatkan penyertaan Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai yang mewakili 17 jabatan dan 4 unit dalaman secara partisipatori.

Pelan Tindakan Dasar Keterangkuman Gender MPSP ini seterusnya akan dirangkumkan bersama Pelan Tindakan Dasar Keterangkuman Gender Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang sebelum diterbitkan sebagai satu dokumen rasmi.

Saya amat mengharapkan agar tuan-tuan dan puan-puan dapat memberikan komitmen dan kerjasama penuh dalam menjayakan bengkel ini. Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan bengkel ini. Terima kasih tidak terhingga kepada Yang Berusaha Ms Ong Bee Leng, *Chief Executive Officer, Penang Women's Development Corporation* serta pasukan beliau dalam pengurusan bengkel ini serta sokongan padu mereka dalam dalam menjayakan program ini.

**Sekian,**

***Wabillahi Taufik WalHidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**